

Dr. Manjur langkahkan turunkan harga

KUALA LUMPUR, Isnin.—Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Mahathir Mohamad hari ini menasihatkan pengguna jangan membeli barang-barang yang harganya dinaikkan dengan tidak menasabah.

Dengan langkah itu, katanya harga barang-barang tersebut akan turun dengan sendirinya.

Ketika mengulas kemungkinan kenaikan harga barang-barang semasa musim perayaan, Datuk Seri Dr. Mahathir mengingatkan rakyat jangan membeli dan menyimpan bekalan makanan lebih dari biasa.

Bellau memberitahu, bahawa bagi mengelakkan kenaikan harga barang-barang, pengguna hendaklah membeli barang-barang keperluan itu seperti biasa.

Bagaimanapun, Datuk Seri Dr. Mahathir yang juga Menteri Perdagangan dan perindustrian memberi jaminan Pegawai Penguatkuasa Kementeriannya akan terus mengawasi bekalan supaya pekedal tidak mengambil kesempatan menaikkan harga-harga barang ketika musim perayaan hari raya puasa ini.

Diawasi

Pegawai-pegawai penguatkuasa, tambahnya tidak mungkin dapat mengawasi semua peniaga di seluruh negara dan biasanya kenaikan harga barang berlaku di tempat yang tidak dapat diawasi.

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, antara lain yang menyebabkan kenaikan harga barang pada musim perayaan ialah permintaan meningkat sedangkan bekalan seperti biasa sahaja.

Katanya, pengguna tidak di paksa membayar lebih dalam keadaan kekurangan bekalan walaupun ada juga mereka yang sanggup membayar harga tinggi asalkan mendapat bekalan.

Pekedal dinasihatkan pula jangan mencari keuntungan dengan menaikkan harga barang tetapi hendaklah mencari keuntungan dengan

KL dan PJ kurang gas masak

menambahkan lagi bekalan mereka.

"Saya percaya mereka akan mendapat keuntungan yang banyak dengan menambah bekalan mereka dan menjualnya dengan biasa tanpa menaikkan harga," tambahnya.

Bellau berkata, pekedal hendaklah membuat pesanan lebih awal bagi mendapat bekalan yang cukup untuk menghadapi musim perayaan.

Sementara itu di Kuala Lumpur, dan Petaling Jaya kebanyakan penjual gas menyatakan mereka mengalami keputusan bekalan gas dari pembekal utamanya sejak dua minggu lalu dan kini tidak dapat menjual bahan tersebut.

Tinjauan Berita Harian di kedua kawasan itu mendapati kebanyakkan penjual sedang menunggu bekalan mereka tiba setelah menempahinya sejak dua minggu lalu.

Menurut mereka, bekalan gas kini semakin berkurangan dan setengahnya sudah habis langsung.

Penjual itu mendakwa, mereka tidak tahu kenapa kekurangan boleh berlaku ketika menjelang puasa dan Hari Raya.

Sementara itu surtirumah di sini dan Petaling Jaya yang dahulunya menggunakan gas sekarang terpaksa menukarnya dengan minyak tanah ataupun arang.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

No. Siri 11,373
No. Peper. maan 3186/87